

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 12 FEBRUARI 2018 (ISNIN)**

| <b>Bil</b> | <b>Tajuk</b>                                       | <b>Akhbar</b>   |
|------------|----------------------------------------------------|-----------------|
| 1.         | Uniten duta hero siber                             | Utusan Malaysia |
| 2.         | Siasatan kematian model telus                      | Kosmo           |
| 3.         | Jalin kerjasama tingkat pendapatan veteran tentera | Kosmo           |
| 4.         | Sejuk gigit tulang hitam                           | Harian Metro    |
| 5.         | Cuaca sejuk, kabus tebal di Kuala Krai             | Berita Harian   |

# Uniten duta hero siber

Oleh NUR FATIHAH  
ABDUL RASHID  
tehannahid@gmail.com

**D**UNIA kini merupakan suatu tempat yang tiada sempadan disebabkan oleh perkembangan teknologi yang semakin hari semakin canggih. Boleh dikatakan kesemua perkara di dunia kini telah dikawal oleh komputer dengan tujuan untuk memudahkan pekerjaan dan kehidupan seharisan manusia.

Namun begitu, dunia digital yang tidak terkawal membolehkan mereka yang tidak bertanggung jawab mengambil kesempatan untuk kepentingan diri sendiri.

Sebagai contoh, ledakan maklumat yang tidak terkawal menyebabkan berlakunya penyebaran maklumat yang tidak tepat, seterusnya membawa kepada risiko melibatkan privasi dan keselamatan.

Kebergantungan tinggi terhadap teknologi bermula dari sistem pendidikan di sekolah, kesihatan, pertanian, pengurusan kewangan, telekomunikasi sehingga penggunaan untuk peribadi boleh meningkatkan kebarangkalian berlakunya isu keselamatan siber yang boleh membawa kepada peperangan siber sekiranya tidak dikawal.

Justeru bagi memupuk kesedaran berkenaan kepentingan pertahanan siber, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bersama-sama CyberSecurity Malaysia (CSM), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (MCMC) dan Standard Chartered Global Business Service (SCGBS) menjalinkan kerjasama menganjurkan Pertandingan Pertahanan Siber (Cyber Heroes) 2017.

Kejohanan yang julung kali diadakan ini telah menyaksikan kumpulan Generate Name dari

Universiti Tenaga Nasional (Uniten) muncul sebagai juara apabila berjaya memungut mata tertinggi dalam pertandingan itu. Lim Kien Seng, Amirul Anwar Md Zulkipli, Nazrul Affiq Ahmad Ammar dan Mokhdzani Faeq Mohamed Fuad berjaya membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM5,000 dan turut dilantik menjadi Duta Cyber Heroes.

Lebih membanggakan, keempat-empat mahasiswa tahun akhir itu juga bakal mendapat latihan teknikal secara percuma bersama CSM, sekali gus menjadi inspirasi kepada mahasiswa yang mementingkan bidang keselamatan siber.

Menurut Nazrul Affiq, dalam pertandingan tersebut, antara tugas yang perlu dilaksanakan adalah menyelesaikan senario seperti mempertahankan aset kritikal daripada serangan siber.

"Kami perlu mengenal pasti dan mengambil langkah bagi mengurangkan serangan

siber, memelihara bahan bukti, menganalisis kejadian serta mencadangkan tindakan pencegahan yang perlu diambil sebagai persediaan menghadapi ancaman siber pada masa hadapan.

"Dari segi cabaran, kami menerima persaingan yang sangat sengit selain tugasan yang diterima agak sukar kerana kami bukanlah pakar dalam bidang keselamatan siber. Namun begitu, banyak perkara baru yang telah kami belajar dan menerusi pertandingan ini, kami dapat meningkatkan lagi kemahiran dan ilmu pengetahuan kami," katanya.

Tambah mereka, pertandingan sebegini merupakan platform yang sangat diperlukan oleh pelajar kerana dapat belajar perkara-perkara baharu dalam industri.

"Kami juga berasa sangat bertuah kerana menerusi program mentor mentee yang diselitkan dalam pertandingan ini, kami dapat belajar dengan

**Kami menerima persaingan yang sangat sengit selain tugasan yang diterima agak sukar kerana kami bukanlah pakar dalam bidang keselamatan siber."**

pakar sebenar dalam industri. Selain itu, kami juga didedahkan dengan ilmu keusahawanan yang diperlukan dalam industri sains komputer khususnya pertahanan siber," jelasnya.

Mengumpul mata tertinggi sebanyak 157 mata, Uniten berjaya mendahului pasukan Mara dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) yang menduduki tempat kedua dengan mata 147.8, manakala tempat ketiga mejadi milik pasukan Nighttrain dari Universiti Asia Pasifik (APU) dengan mata 116.3.



HAZRUL AFFIQ



DR. NOOR AZLAN GHAZALI (belakang, tujuh kiri) diiringi Dr. Amirudin Abdul Wahab (belakang, enam kiri) dan para pemenang pertandingan bergambar selepas penyampaian hadiah pada Majlis Penutup Seminar Cyber Heroes 2017 di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Bangi, Selangor baru-baru ini.

## Cungkil bakat pelajar dalam pertahanan siber

**P**ERTANDINGAN Pertahanan Siber (Cyber Heroes) 2017 telah berlangsung selama dua hari, melibatkan pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi tempatan.

Seramai 20 pasukan terdiri daripada 77 pelajar dari 11 universiti di seluruh negara menyertai pertandingan yang berlangsung di UKM itu.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif CSM, Datuk Dr. Amirudin Abdul Wahab, pertandingan itu merupakan platform untuk menggalakkan pembedaan keselamatan siber dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi di Malaysia.

"Kita mahu pelajar-pelajar ini menjadi warga digital yang bertanggungjawab terutama apabila berada di alam siber. Melalui pertandingan ini, kita dapat memupuk kesedaran generasi muda mengenai kepentingan pertahanan siber



DR. AMIRUDIN  
ABDUL WAHAB



DR. NOOR AZLAN  
GHAZALI

terutama sewaktu berlakunya sesuatu serangan siber seperti penggodam.

"Selain itu, kita juga mahu menerapkan kefahaman kepada mereka bahawa pertahanan siber adalah lebih utama daripada aktiviti penggodaman," katanya.

Selain mencungkil bakat-bakat baharu dalam kalangan generasi muda mengenai pertahanan siber, pertandingan ini juga memberi pendedahan dan menyemai pengetahuan mengenai bidang forensik agar para pelajar dapat bersedia siaga menghadapi ancaman serta krisis siber.

Uniknya juga, pertandingan ini turut membuka ruang kepada bakat-bakat muda dengan kemahiran keusahawanan apabila mereka turut diberi pendedahan mengenai kaedah transformasi kemahiran keselamatan siber kepada peluang perniagaan dalam industri keselamatan siber.

Dalam pada itu, Naib Canselor UKM, Prof. Tan Sri Noor Azlan Ghazali berkata, pertandingan ini dilihat berupaya menyedarkan lebih ramai mahasiswa untuk mempunyai pengalaman awal dalam menghadapi era Revolusi Perindustrian 4.0.

"Menerusi program ini, ia mendedahkan pelajar kepada semua elemen digital dan secara tidak langsung mempromosikan budaya keselamatan siber dalam kalangan generasi muda.

"Dalam masa yang sama, ia memberi inspirasi baru kepada mereka untuk meneroka bidang keselamatan siber dengan lebih mendalam menerusi program Sarjana Keselamatan Siber yang ditawarkan oleh UKM sejak 2013 di Pusat Keselamatan Siber," katanya.



Polis tidak jumpa elemen jenayah berhubung kes Ivana ditemui jatuh kondominium

## Siasatan kematian model telus

Oleh MALINDA ABDUL MALIK

**K**UALA LUMPUR – Siasatan kematian Ivana Esther Robert Smit, 19, yang mayatnya ditemui di balkoni sebuah kondominium di Cap



menemui elemen jenayah dalam kejadian menimpa model Belanda itu.

Bagaimanapun, Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Seri Mazlan Lazim (**gambar**) berkata, pihaknya masih menunggu laporan penuh berhubung siasatan kematian gadis warga asing berkenaan termasuk laporan daripada **Jabatan Kimia**.

Menurut beliau, pihak polis turut meneliti beberapa rakaman televisyen litar tertutup (CCTV) dan mendapati sebelum ditemui mati, model itu telah berkunjung



KERATAN Kosmo! 10 Disember 2017.

ke tiga buah kelab malam pada hari sama.

"Polis melakukan siasatan secara menyeluruh dalam kes ini dan setakat ini tiada unsur jenayah ditemui.

"Justeru tuduhan pihak keluarga mangsa bahawa polis tidak menjalankan siasatan secara telus sama sekali tidak berasas," kata beliau selepas menghadiri Program Townhall Discussion Peringkat Kontinjen Kuala Lumpur di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur di sini semalam.

Turut hadir pada program berkenaan Naib Pengerusi Kanan Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPJ), Tan Sri Lee Lam Thye.

Mengulas lanjut, Mazlan memberitahu, tuduhan keluarga mangsa bahawa siasatan polis tidak telus hanya berdasarkan satu klip video mangsa didukung



IVANA, model Belanda yang ditemui mati jatuh kondominium pada 7 Disember 2017.

seorang lelaki di sebuah pusat hiburan di ibu negara.

"Polis pula sudah meneliti beberapa rakaman CCTV yang menunjukkan pergerakan mangsa sebelum dan selepas klip video model berkenaan didukung.

"Daripada siasatan dan pemeriksaan CCTV tersebut, pada hari kejadian mangsa juga didapati telah berkunjung ke tiga buah pusat hiburan," katanya.

Mazlan berkata, keluarga Ivana sepatutnya menghantar maklumat yang diterima pihaknya kepada polis bagi mendapatkan penjelasan yang sebenarnya.



RAKAMAN CCTV menunjukkan Ivana didukung oleh seorang lelaki di sebuah kelab di Kuala Lumpur.

Kosmo! pada Jumaat lalu melaporkan polis sedang meneliti semua aspek berhubung kematian Ivana yang mayatnya ditemui dalam keadaan bogel di balkoni sebuah kondominium pada 7 Disember lalu.

Ivana dipercayai berada di apartmen tersebut selepas dibawa pasangan seorang lelaki warga Amerika Syarikat, Alexander William Johnson, 44, dan isterinya, Lunara Almazkyzy, 30. Selepas hampir dua bulan ke-

matiannya, kes Ivana menarik perhatian semula ekoran sebuah portal antarabangsa yang memuat naik satu klip video gadis itu didukung meninggalkan sebuah pusat hiburan oleh seorang lelaki sebelum dia ditemui mati.

Mengikut portal antarabangsa itu, klip video tersebut ditemui oleh penyiasat persendirian yang diupah oleh keluarga Ivana yang mahu mengetahui punca kematiannya.

**KERATAN AKHBAR**  
**KOSMO (NIAGA) : MUKA SURAT 51**  
**TARIKH : 12 FEBRUARI 2018 (ISNIN)**

## Jalin kerjasama tingkat pendapatan veteran tentera



MOHD. SHUHAIZAM (dua dari kanan) bertukar dokumen memorandum kerjasama dengan Ketua Pengarah Perhebat, Ahmad Tajudin Jaafar (dua dari kiri) sambil disaksikan Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein (tengah) di Kluang semalam.

**KUALA LUMPUR** - **Malaysian Bioeconomy Development Corporation Sdn. Bhd. (Bioeconomy Corp.)** memeterai memorandum kerjasama dengan Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (Perhebat) bagi melaksanakan projek-projek di bawah Program Pembangunan Komuniti Bioekonomi (BCDP) di seluruh negara.

Ketua Pegawai Eksekutif Bioeconomy Corp., Dr. Mohd. Shuhaizam Mohd. Zain berkata, usaha sama itu akan melibatkan pesara

tentera sebagai peserta dalam projek-projek BCDP yang memberi fokus kepada subsektor strategik.

"Ia adalah seperti dalam bidang herba bernilai tinggi, pembangunan biji benih, akuakultur, penanaman nanas dan cendawan, ternakan lebah madu, hortikultur serta sisa biomas.

"Melalui kerjasama ini, kami akan mengenal pasti projek-projek dan syarikat-syarikat bersesuaian, di samping memberi nasihat dan sokongan bagi pelaksa-

naan projek tersebut.

"Perhebat pula akan mengenal pasti pesara Angkatan Tentera Malaysia (ATM) atau anggota bakal bersara yang berpotensi untuk menjadi peserta projek BCDP," katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini semalam.

Pertukaran memorandum kerjasama itu telah berlangsung semasa Program Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) Mesra Rakyat di Kluang, Johor semalam.



2

setempat

12-02-2018

>> Cuaca sejuk catat suhu terendah  
**18.4 darjah Celsius** bermula jam 6

# Sejuk gigit tulang hitam

NUR Maisara memakai baju  
tebal untuk ke sekolah  
berikutan fenomena  
cuaca sejuk melanda  
Kuala Krai, semalam.



“Apabila subuh,  
hendak ambil air  
untuk mandi pun  
menggigil  
Nur Maisara”

Mohd Zulkifli Zainuddin  
dan Rohaida Omar  
news@nstp.com.my

## ■ Fenomena cuaca dingin melanda Kuala Krai disebabkan tiupan angin dari Tanah Besar China

### Kota Bharu

Fenomena cuaca sejuk dengan suhu mencecah 18.4 darjah Celsius dan kabus tebal yang melanda di Kuala Krai pada awal pagi semalam disebabkan tiupan angin sejuk dari Tanah Besar China berikutan Malaysia masih berada dalam fasa monsun timur laut.

Pengarah Jabatan Meteorologi Kelantan Rabiah Al Adawiyah Zakaria berkata, tambahan pula Februari adalah tempoh suhu minimum harian yang terendah berbanding bulan lain menyebabkan cuaca sejuk luar biasa melanda daerah terbabit.

“Keadaan suhu sejuk juga berlaku di beberapa lokasi lain seperti di Kerteh, Terengganu yang juga menunjukkan penurunan suhu minimum harian namun tiupan angin terbabit tidak menyebabkan hujan lebat.

“Cuaca sejuk mula berlaku sejak semalam dengan mencatat suhu terendah 18.4 darjah Celsius bermula jam 6 hingga 8 pagi dan berubah kepada suhu maksimum pada waktu petang dengan mencecah 32.7 darjah Celsius.

“Kuala Krai pernah mencatat suhu paling rendah pada tahun 2014 iaitu 13.7 darjah Celsius,” katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Tinjauan di daerah terbabit mendapati keadaan cuaca sejuk luar biasa itu menyebabkan sebahagian penduduk terutama kanak-kanak berpakaian tebal pada waktu pagi dan malam walaupun ketika berada di dalam rumah.

Penduduk dari Kampung Chenis Bekok, Fatimah Kila, 64, berkata dia seperti berada di Cameron Highlands apabila memakai baju sejuk setiap masa walaupun berada dalam rumah.

“Pada 2014, cuaca luar biasa sejuk melanda Kuala Krai dan kali ini situasi sama berulang sehingga terasa macam berada di Cameron Highlands. Saya juga terpaksa memakai selipar untuk berjalan di dalam rumah se-

panjang masa disebabkan lantai simen terlalu sejuk,” katanya.

Kanak-kanak, Nur Maisara Razali, 6, dari Kampung Tualang berkata, dia memakai jaket untuk ke tadika sehingga selesai waktu persekolahan.

“Apabila subuh, hendak mengambil air untuk mandi pun menggigil. Walaupun ibu saya menggunakan pemanas air namun keadaan masih sejuk lagi,” katanya.

Peniaga pasar malam, Masorudin Onar, 34, berkata, cuaca sejuk dirasai bermula sekitar jam 3 pagi hingga 9 pagi menyebabkan jualan baju sejuk dijualnya meningkat 50 peratus sejak beberapa hari lalu.





NUR Maisara Razali, 6, dari Kampung Tualang memakai baju tebal untuk ke sekolah berikutan cuaca sejuk dengan suhu mencecah 18.4 darjah Celsius.  
- Foto Rohaida Omar

## Cuaca sejuk, kabus tebal di Kuala Krai

KOTA BHARU: Cuaca sejuk dan kabus tebal di Kuala Krai awal pagi tadi adalah disebabkan tiupan angin sejuk dari Tanah Besar China dalam fasa monsun timur laut.

Pengarah Jabatan Meteorologi Kelantan, Rabiah Al Adawiyah Zakaria, berkata Februari juga adalah tempoh yang mana suhu minimum harian terendah dicatatkan.

"Keadaan suhu sejuk ini juga berlaku di beberapa lokasi lain seperti Kerteh di Terengganu yang turut mencatatkan penurunan suhu minimum harian. Namun, tiupan angin terbabit tidak menyebabkan hujan lebat.

"Cuaca sejuk ini berlaku sejak semalam dengan suhu terendah 18.4 darjah Celsius bermula jam 6 hingga 8 pagi dan akan berubah kepada suhu maksimum pada waktu petang dengan mencecah 32.7 darjah Celsius," katanya ketika dihubungi.

Kuala Krai pernah mencatat suhu paling rendah iaitu 15.7 darjah Celsius pada tahun 2014.

Tinjauan di daerah itu mendapati sebahagian penduduk, terutama kanak-kanak, terpaksa berpakaian tebal pada waktu pagi dan malam, walaupun ketika berada di dalam rumah.

Seorang penduduk Kampung Chenis Bekok, Fatimah Binti Kila, 64, berkata dia terpaksa memakai 'baju sejuk' setiap masa walaupun berada dalam rumah.

"Pada 2014, cuaca luar biasa sejuk sudah melanda di Kuala Krai dan kali ini, situasi sama berulang sehingga terasa macam berada di Cameron Highlands.

"Saya juga terpaksa memakai selipar untuk berjalan di dalam rumah sepanjang masa disebabkan lantai simen terlalu sejuk," katanya.

Seorang kanak-kanak, Nur Maisara Razali, 6, dari Kampung Tualang, berkata dia terpaksa memakai jaket untuk ke sekolah sehingga selesai waktu persekolahan.

"Apabila subuh, hendak ambil air untuk mandi pun menggigil. Walaupun ibu saya menggunakan pemanas air, ia masih sejuk," katanya.